



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 JUNE 2017

## Puasa bukan alasan kurang produktif - PM

um-7/6/2017  
Pg. 3

**KUALA LUMPUR 6 Jun** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ibadat berpuasa tidak boleh dijadikan alasan untuk menjadi kurang produktif kerana setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk dilaksanakan sama ada sebagai pelajar, pekerja, anak mahupun ibu atau bapa.

Perdana Menteri berkata, atas sebab itu, umat Islam dianjurkan untuk bersahur sebagai sumber tenaga agar kekal produktif sepanjang hari.

Beliau berkata, tuntutan tugas harian yang begitu padat menyebabkan beliau kurang berkesempatan untuk bersama keluarga, namun ia berbeza apabila tiba bulan Ramadan kerana waktu sahur akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk bersahur bersama keluarga setiap hari dan mengambil peluang itu untuk bercerita akan perihal masing-masing.

"Alhamdulillah, hubungan kekeluargaan dapat diertakan

walaupun dalam masa yang singkat. Ini juga merupakan satu perkara yang sering dilakukan ketika ayahanda saya masih ada dahulu.

"Waktu kecil dahulu, saya sering diingatkan untuk tidak terlepas sahur kerana sahur dianggap sebagai sarapan, juadah yang penting untuk kesihatan," kata Perdana Menteri menerusi blog beliau, [najibrazak.com](http://najibrazak.com), hari ini.

Perdana Menteri berkata, apa yang lebih penting, amalan bersahur adalah sunat hukumnya sebagaimana hadis Nabi Muhammad SAW: "(Makanan) Sahur itu seluruhnya adalah berkat, maka itu janganlah kalian meninggalkannya walaupun hanya dengan seteguk air, sesungguhnya Allah dan para malaikatnya mendoakan orang-orang yang bersahur."

"Insya-Allah, bersama-sama malah kita mencari keberkatan Allah SWT dengan amalan bersahur ini, nescaya kita akan terus diletakkan dalam perlindungan-Nya," katanya.